



# Aku & Buku

**Editors:**  
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali  
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai

2025



# Aku & Buku




**Editor:**

*Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali  
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai*

**Penerbit:**

*UiTM Cawangan Kedah*

e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

# Hak Cipta

Hak cipta@ adalah milik penulis/pemilik asal. Penyuntingan bahasa dan pembacaan pruf telah dijalankan oleh pasukan editorial dengan kebenaran penulis.

Segala pandangan, pendapat dan syor teknikal yang dikemukakan oleh penyumbang adalah tanggungjawab mereka sepenuhnya dan tidak semestinya mencerminkan pendirian editor, fakulti atau universiti.

Tiada bahagian dalam penerbitan ini yang boleh diterbitkan atau dipindahkan dalam apa jua bentuk atau cara, sama ada secara elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, salinan semula atau sebarang sistem simpanan dan capaian, tanpa kebenaran bertulis daripada Rektor, UiTM Cawangan Kedah, 08400 Kedah.

**eISBN:** 978-967-2948-81-0

**Diterbitkan oleh:**

Universiti Teknologi MARA  
08400 Merbok, Kedah, Malaysia

**Editor:**

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali  
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai



# Kandungan

## Tajuk

## Muka Surat

### Kata Pengantar

### Kata Aluan

### Pendahuluan

1. Peneman Setia	1
2. Cinta Ekonometrik dan Cinta Residual	5
3. Inspirasi Dale Carnegie	8
4. Aku, Buah dan Buku	15
5. Dari Cerita Dongeng, Akhirnya Menggapai Impian	20
6. Aku di Alam Buku	24
7. Kisah Imam Syafie	27
8. Menyingkap Kegemilangan Umat Islam di Andalusia	33
9. Kisah Penaklukan Kota Konstantinople oleh Sultan Muhammad Al-Fateh	39
10. Bukuku adalah Teman Karibku	45
11. Korban Kasih	51
12. Buku, Penyelamatku	54
13. Aku, Abah dan Buku	58
14. Sebuah Buku Berwarna Coklat	62
15. TAMAR JALIS: Stephen King Malaya	65
16. Jasa Terindah	68
17. Ditandang Lagi	71
18. Anak Sulung	76
19. Inspirasi Membentuk Jatidiri	79
20. Dari Lemari Antik Moyang ke Troli e-Dagang	82
21. Menara Alam dan Kimia Manusia	86
22. Minat Membaca yang Hilang	91
23. Satu Jam Boleh Merubah Hidup	93
24. Pengembaraan Melalui Kuasa Petikan	96
25. Kāna yāmā kān	99
26. Aku, Buku dan Secangkir Kopi	102
27. Manisnya Senyumanmu	105
28. Anak-anakku & Buku	110
29. Buku Mendidik Aku	114
30. Sebuah Perjalanan Menemukan Diri	118
31. Menggenggam Bara	122
32. Diari Perjalanan Aku dan Buku	126
33. Kertas-kertas yang Harum	129
34. Pasti Ada Minatku	132
35. Aku, 'Buku Pink' dan Tesis: Kisah Kerinduan, Penantian dan Harapan	135
36. Kehidupan dalam Kata: Buku Guru Sebuah Kehidupan	140
37. Manga dan Aku	144
38. Dirimu Sentiasa Ada!	148
39. Sihat with Me	152
40. Aksaramu Inspirasiku	155
41. Kerana Sebuah Buku	159
42. Pahit Manis Pengalaman Bersama Buku	161
43. Ibrah Melalui Syukur	165
44. Kenangan Itu	168
45. Perjalanan Literasi: Dari Perpustakaan Sekolah Hingga ke Universiti	172
46. Buku "Tangan Kedua"	176
47. "달콤한 추억" di Bumi Korea	180
48. Pi Mai Pi Mai Bersua di PBAKL 2024	183
49. Baca Buku? Nerdlah Pulak!	186
50. Kekuatan di Sebalik Buku Pemberian Sahabat	190



# Kata Pengantar

Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah inisiatif murni oleh Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah yang menghimpunkan karya penulisan kreatif oleh seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) dari pelbagai fakulti dan jabatan. Kompilasi ini adalah manifestasi semangat cinta terhadap ilmu, bahasa, dan budaya, serta usaha berterusan untuk memupuk pemikiran kritis dan ungkapan kreatif di kalangan warga universiti.


Penulisan dan penerbitan merupakan antara medium utama dalam penyebaran ilmu, dan ia memainkan peranan penting dalam pembentukan masyarakat berilmu dan berbudaya. Namun di samping kesibukan menulis artikel ilmiah berimpak tinggi, projek Aku & Buku muncul bagi menawarkan peluang warga universiti untuk menulis buah fikiran dan pengalaman peribadi dalam bentuk santai namun sampai ke hati pembaca. Himpunan karya-karya kreatif ini bukan sahaja menyemarakkan lagi arena kesusasteraan tanah air, tetapi turut memberi peluang kepada para akademik untuk menyuarakan idea, pandangan, dan imaginasi mereka dalam bentuk yang segar dan bermakna.

Sebagai institusi pengajian tinggi yang sentiasa mendokong nilai keilmuan dan pengembangan minat dalam apa jua bentuk penulisan, UiTM berbangga dapat menyokong dan merealisasikan penerbitan buku ini. Semoga karya-karya yang terkandung dalam kompilasi ini menjadi sumber inspirasi dan rujukan berharga kepada pembaca dari pelbagai lapisan masyarakat.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya serta pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan ini.


Selamat membaca.

Ketua Editor,  
**Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali**  
**Noor 'Izzati Ahmad Shafiai**





# Kata Aluan



Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadirat Illahi kerana dengan izin-Nya, Projek Aku & Buku berjaya diterbitkan. Kompilasi ini merupakan manifestasi minat yang tinggi terhadap bahasa dan penulisan kreatif, yang lahir daripada ilham serta komitmen seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya, serta warga kerja yang terlibat dalam menjayakan projek ini. Usaha ini membuktikan bahawa institusi pengajian tinggi bukan sahaja menjadi medan penyebaran ilmu, malah turut menyemarakkan elemen budaya dan kreativiti dalam penulisan.

## **Unit Penerbitan**

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali  
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai  
Siti Mukhlisa Mohamad Khairul Adilah  
Nurfarisya Hafiz  
Berlian Nur Morat  
Nor Asni Syahriza Abu Hassan  
Syakirah Mohammed  
Hajjah Sharina Saad  
Mas Aida Abd Rahim  
Syazliyati Ibrahim  
Abdul Majeed Ahmad

## **Penyunting**


Berlian Nur Morat

## **Pereka Layout & Grafik**

Asrol Hasan

Semoga buku ini menjadi inspirasi kepada para pembaca dan terus menggalakkan penghasilan karya kreatif yang berkualiti pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.



# Pendahuluan

Penulisan kreatif merupakan medium penting dalam menyampaikan nilai, emosi dan pemikiran masyarakat. Ia bukan sekadar hiburan, malah berperanan dalam mencorak budaya intelektual dan memperkaya khazanah ilmu. Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah himpunan karya penulisan kreatif yang lahir daripada ilham dan bakat warga akademik, khususnya dari Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, serta sumbangan penulis dari fakulti dan institusi lain.

Kompilasi ini menampilkan pelbagai genre dan gaya penulisan yang mencerminkan kepelbagaian latar belakang dan pengalaman para penulisnya. Usaha ini sejajar dengan aspirasi UiTM dalam menggalakkan budaya penulisan, penyelidikan, dan penerbitan sebagai tunjang penyebaran ilmu yang berterusan kepada masyarakat.

Menerbitkan karya kreatif dalam bentuk buku bukan sahaja membuka ruang kepada ekspresi diri, tetapi juga memperkukuh peranan institusi pengajian tinggi dalam memperkaya wacana sastera tempatan. Semoga buku ini dapat menjadi pencetus inspirasi, pemangkin idea, serta wadah untuk menyemai minat terhadap dunia penulisan dan pembacaan.



## Kerana Sebuah Buku

**Yazwani Mohd Yazid**

Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah

Tatkala hujan menghemburkan bauannya aku pasti akan terkenang saat ketika kesamaan kisah yang pasti tidak dapat ditidakkan cerita buku dan aku. Dikala inilah aku dpt terkenangkan semula larianku menuju ke satu destinasi yang selalu kuhajati tanpa sedar akan adanya wang saku atau tidak untuk mendapatkannya. Aku berdiri di Toko Buku Pak Lurah dengan harapan keluaran terhangat itu masih tiada yang membelinya. Tidak putus doaku seharian untuknya seperti mengharap seorang lelaki sejati yang tidak pernah disukai wanita lain, sesuci itu harapan untuk sebuah buku yang kuharap tiada orang lain menghajatinya. Pak Lurah tersenyum melihat aku lama berdiri melihat buku yang ku hajati, tegurnya adakah jumlah wangku tidak mencukupi untuk senaskah buku, aku cuma tersenyum katakan terus wang sudah cukup sebenarnya, cuma...lama harkat cuma itu kerana bermain dibibirku. Terus pulang setelah puas melihat buku itu masih ada dan kukuh tanpa ada insan yang membelinya atau mengalihkannya.

Sampainya di rumah adalah saatku teringat usahaku adakah benar di laluan walaupun ia sebuah buku yang padat dengan ilmu-ilmu duniawi yang membawa ke alam terokaan baru sebagai anak muda yang meronta akan dambaan tambahan ilmu. Dalam tika tanganku di atas dahi, terdengar ketukan pintu bersama deseran roda di pintu...along...kamu sudah makan kah? Sudah ibu...kataku dengan nada yang biasa kubunyikan sebagai seorang anak yang wajib menghormati ibubapanya. Lantas ibuku membawa tin yang kelihatan buruk malah hampir bogel balutan luarnya, ibuku tanpa kata memberi tin itu dan tersenyum...cukupkan along untuk buku yang along nak beli itu kan? Tanpa sedar titisan air mataku bercucuran tanpa suara...tidak sedar ibu tahu usahaku untuk membeli buku itu selama ini.

Ku terus bertanya mana datang wang begini dalam tin yang seperti lama sudah dikumpulkan. Itulah duit tabungan ibu untuk ubat ibu kadangkala ibu guna untuk tambahan biaya ibu ke hospital. Ibuku dialisis buah pinggang tahap empat. Ketika ini, itulah wang untuk tambahan biaya tambangnya ke pusat rawatan. Waima ibu dalam derita dan sakit tapi hatinya masih memikirkan aku yang setiap masa ingat sebuah buku yang tanpa ku sedar menjadi titik perhatian ibuku padaku dan dalam tanpa sedar terusku memeluk ibu dengan sekuat hati.

Berat untuk aku menerima wang ibu yang penuh keberkatan dengan titik peluh ibuku selama ini. Terimalah long duit ini, sekurangnya cepat untuk kamu memilikinya. Aku serba salah kerana lebih penting bagiku wang itu untuk ibu yang sangat dambakannya untuk urusan sakitnya dan perjalanan pergi dan balik ibu untuk rawatan. Akhirnya kubukakan telapak tanganku menerimanya walau berat hati...dah cepatlah along ke Toko Pak Lurah nanti lambat habis buku itu. Dengan masih basah pipiku dalam dakapan ibu terus ku minta izin untuk membeli buku itu tanpa sedar gerimis hujan yang perlahan seperti memahami akan hatiku ketika itu.

Jam menunjukkan petang yang hampir pasti akan membuatkan usahawan niaga mula menutup pintu, diseberang jalan aku sempat melihat Toko Pak Lurah masih beroperasi dengan

tiada tanda untuk tutup sementara menjelang Maghrib. Eh kamu datang lewat untuk buku itukah?...ya pakcik benar kata pakcik. Cukup sudah ya duit kamu...sambil tersenyum padaku.

Semuanya RM98 berbaki dua ringgit aku terus pulang ke rumah dengan buku yang baru di hajati. Hatiku berbunga-bunga saat menghayunkan tangan. Begitulah aku, bercahayanya wajah setelah memiliki buku tadi ibarat mendapat putera raja yang bujang lagi setia. Begitulah perasaan yang kulalui sehinggakan berbunga-bunga kala hatiku berjalan pulang.

Sampainya di rumah ibu seperti tahu aku pulang bersama buku yang telah lama ku hajati....kata ibu "amboi anak ibu gembiranya kamu..bagai dipinang anak raja ya" kata ibu yang lebih memahami isi hati anaknya. Ibu menyuruhku ke dapur untuk makan kerana lauk kegemaranku sambal bilis sudah siap di atas meja makan. Aku letakkan buku atas meja makan sambil ibu melihat dan memperincikan kata-kata luar depan dan belakang. Ku lihat wajah ibu seperti serba tidak kena dan seolah terbayang-bayang kisah silamnya.... "kamu kenalkah penulis buku ini along...?" soalan yang tidak terjanka olehku hanya terkebil-kebil mataku sambil memegang penyenduk nasi di tangan. Buku yang bertajuk Latih Tubi Matematik Tambahan Tingkatan 5 ini sebenarnya ibu menyatakan adalah diolah sepenuhnya oleh darah dagingku sendiri rupanya. Ibu cukup kenal dengan nama penulis dan gambar penulis di belakang buku ini.

Ibu sambil mengesat air matanya berkata itulah ayahku yang sudah 17 tahun meninggalkan kami berdua selepas hilang tanpa berita dek kerana ayah ingin menyambung pengajiannya di Universiti Malaysia Sabah. Aku seperti terpukul seolah tidak percaya buku yang ku damba-dambakan rupanya ayahku sendiri adalah penulisnya. Meskipun begitu ibu tidak memendam dendam pada ayah. "Pergilah long cari ayahmu, dia tetap ayahmu.." Marah, sedih dan tertanya akan mengapa kami dibiarkan tanpa sebarang berita dan sehingga aku anggap ayah telah lama tiada sejak aku dilahirkan. Dek kerana sebuah buku ini ia seperti bom jangka yang menunggu tuannya sendiri untuk dimatikan fungsinya.

Aku turuti kata ibuku untuk mencari ayah yang walaupun perit untuk diriku mengakui dia ayahku. Dalam benakku menyatakan seperti tidak seiring antara bukunya dengan penulis itu sendiri. Ilmuan tetapi kemanusiaan hilang entah kemana. Terus kutinggalkan ibu untuk ke Kuala Lumpur menuju syarikat yang menerbitkan buku ayahku itu. Syukur staf mereka seolah mengerti hajat dan tujuanku ke sana. Segala maklumat dan keberadaan ayahku beserta alamat semasa mudah kuperolehi.

Aku terus ke Hentian Pudu Raya untuk mendapatkan tiket bas yang akan membawaku ke Melaka. Sepanjang perjalananku masih tertanya lagi dek hatiku bingung dengan seorang yang dikatakan mulia pada ruang pendidikan serta dunia tambah kira-kira yang tergamak membiarkan aku dan ibuku ibarat layang-layang yang terputus talinya. Sukar untukku pejamkan mata walaupun memang sangat terasa letih badanku. Adakah ayahku masih ingat akan isterinya yang selama ini ditinggalkan begitu sahaja. Adakah aku sendiri juga akan dapat menerima bahawa aku masih punyai seorang ayah yang tercetus mula dengan sebuah buku. Semuanya masih belum ada jawapan sedangkan empunya cerita kisah bermula hidup seakan dekat sudah untuk bersua wajah.


Sampailah akhirnya aku di perhentian bas yang menjadi tumpuan ramai manusia untuk ke sana dan ke sini yang mana semuanya ada destinasi dan aku pula ke destinasi yang tak pasti akan ceritanya berpenghujung dimana atau bagaimana. Terbayang wajah ibuku dalam mendewasakan aku seorang diri selama ini. Semakin terbayang kejerihannya semakin membara hatiku. Terdengar azan ketika aku duduk seketika dibangku hentian bas membuat bibirku membalas lantunan azan satu persatu sehinggalah penutup doanya. Sempat ku selitkan doa dihujungnya agar ku diberikan kekuatan untuk menerima semua yang berlaku walaupun kusedar aku hanyalah seorang anak yang masih mentah.

Aku menyapa seorang tua yang kelihatan berdiri di tepi kereta yang menjadi usaha untuk rezekinya yang ditentukan oleh Allah SWT. Aku memperlihatkan alamat yang aku ada untuk ke destinasi rumah ayahku. Bikin hal juga dengan harga teksinya yang agak mencekik darah tetapi apakan daya, ke rumah ayahku tetap menjadi titik koordinat yang mesti aku tempuhi. Aku setuju akhirnya untuk sebut harga perjalanan ke rumah ayahku yang telah dimuktamadkan pemandu tadi.

Buku yang sepatutnya menjadi ilham dan tubi padaku untuk peperiksaan SPM kini menjadi duri dalam daging. Sudah dapat menjadi sengketa bicara pula antara aku dengan buku itu. Kalau tidak kerana buku itu tidaklah aku kemari. Akhirnya sampai juga dihadapan rumah ayahku. Aku menghulurkan 30-ringgit pada pakcik yang membawaku tadi. Aku tersentak melihat agamanya rumah ayahku sedangkan aku dan ibu hanya duduk tinggal di rumah usang yang penuh dengan anai-anai.


Aku berlindung pada sepohon pokok dengan hanya ingin melihat-lihat dari jauh sedikit agar terubat rindu pada ayah walaupun mungkin wajahnya tidak lagi setampan dahulu. Hanya gambar dia menjadi kenangan. Alangkah terkejutnya aku apabila melihat seorang wanita berjalan keluar, itulah rupanya isteri ayahku yang mana sebelum ini menjadi api dalam sekam. Sambil melihat dan membuat kesimpulan tanpa melakukan kutipan data pada tuan yang empunya cerita. Dalam keempat-empat orang anak ayahku itu sepertinya seorang kelihatan iras wajahku.

Entahla aku bagai lemah dan lembut lututku apabila melihat dari jauh ayahku mendakap dan bahagia bersama anak-anaknya itu. Aku dengan perlahan-lahan menjarakkan diriku dari pandangan rumah ayahku. Aku ingin pulang saja kerana aku seperti belum bersedia akan hal-hal begini walaupun terkait benar antara darah daging. Ya akhirnya aku pulang tanpa tercapai hajat untuk mengadap ayahku sendiri. Tidak tergamak aku untuk menjadi punca segala duka atau punca salah faham antara mereka sekeluarga walaupun dia juga ayah kandungku. Terus semula ke hentian bas untukku ceritakan kisah yang telah aku saksikan pada ibuku nanti. Kubiarkan saja kisah ini kerana emosiku masih belum dapat menerima semua ini. Selepas peperiksaan nanti barulah aku bina semula usaha untuk bertemu ayahku. Biarlah aku teruskan mendalami dan membanyakkan latih tubi pada buku yang direalisasikan oleh ayahku sendiri untuk SPM tahun ini. Aku pulang sambil mengendong buku istimewa ini yang membuka segala cerita antara ayah, ibu dan aku. Biarkan seketika tidak membawa erti putus asa...mengundur setapak untuk suatu yang lebih besar insyaALLAH.



# Aku & Buku

2025



e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

